

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 8.6.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang rancangan mengadakan pendidikan seks di sekolah. Apakah perkembangan rancangan itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan mulai tahun 1994 di sekolah rendah, khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dan secara merentas kurikulum mata pelajaran lain seperti bahasa, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah "**Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial**" digunakan susulan daripada kelulusan Kabinet pada **20 Disember 2006** bagi menggantikan "Pendidikan Kesihatan Keluarga" (1989 – 2002) dan "Pendidikan Seksualiti" (2003 – 2005) yang digunakan sebelum ini. Istilah "Pendidikan Seks" tidak digunakan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Kabinet juga memutuskan bahawa pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) ini

tidak akan melibatkan penyediaan kelas khas atau sebagai mata pelajaran khusus. Sebaliknya, PEERS akan dipelajari melalui mata pelajaran sedia ada, khususnya dalam **kurikulum Pendidikan Kesihatan** di sekolah rendah dan sekolah menengah. PEERS dilaksanakan secara komprehensif dan kohesif dari sekolah rendah hingga sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran dan membantu murid memperoleh kemahiran membuat keputusan yang tepat, bijak serta bertanggungjawab pada masa kini dan masa hadapan.

RJM67